

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 25 MAC 2019, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 9

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1421-L03111
Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha yang telah diambil Kerajaan Persekutuan dan jumlah peruntukan yang dikeluarkan, dalam usaha menangani bencana banjir yang telah melanda negeri-negeri Pantai Timur antara November 2018 hingga Januari 2019 baru-baru ini.

2. PR-1421-L03180
Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan sebab penutupan Bazar Rakyat di Jalan TAR yang sering menjadi tumpuan orang Melayu dan orang India ketika musim perayaan.

3. PR-1421-L03367
Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha Kementerian bagi memelihara khazanah warisan negara pada masa yang sama mempromosikan tapak warisan UNESCO di Malaysia untuk mengalakkan kedatangan pelancong.

4. PR-1421-L02892
Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjung Karang] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dengan Kerajaan negeri dalam menurunkan kadar premium tanah untuk memastikan harga rumah mampu milik dapat diturunkan.

5. PR-1421-L02974
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keputusan Kerajaan tentang kanak-kanak yang menjadi tanpa kewarganegaraan (*stateless*) semata-mata kerana ibu warga asing kanak-kanak ini semasa melahirkan mereka tidak mendaftarkan perkahwinan mereka dengan bapa kanak-kanak ini yang berwarganegara Malaysia.
6. PR-1421-L03788
Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sama ada projek asas keperluan penduduk luar bandar seperti jalan kampung, bekalan elektrik dan air serta bantuan PBR diteruskan.
7. PR-1421-L04180
Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah Kementerian bagi membela pelajar-pelajar yang teraniaya dalam isu penyelewengan pinjaman pendidikan PTPTN oleh mana-mana kolej swasta.
8. PR-1421-L04063
Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah sebenarnya status ekonomi Malaysia yang terkini. Adakah ekonomi Malaysia sedang mengalami kemerosotan atau perkembangan. Jelaskan dan perincikan sektor mana yang mengalami kemerosotan dan yang mana mencapai perkembangan.
9. PR-1421-L02965
Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sejauh manakah Kementerian mempunyai data kesan aktiviti promosi kadar pencemaran plastik sejak seluruh dunia termasuk Malaysia aktif mempromosikan kesan pencemaran plastik dan penggunaan plastik pakai buang terhadap manusia dan kehidupan laut.
10. PR-1421-L03263
Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan secara terperinci isu-isu teras sosio ekonomi yang akan diberikan perhatian khusus oleh Majlis Tindakan Ekonomi (MTEN). Jangka masa impak dan kesan positif segala cadangan MTEN.

11. PR-1421-L03069
Tuan Ahmad bin Hassan [Papar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah Kerajaan akan terus memberi kuasa kepada agensi Kerajaan seperti FELCRA dan Giat MARA melantik kontraktor-kontraktor yang sedia ada dalam senarai mereka tanpa pengetahuan Wakil Rakyat di setiap Parlimen.
12. PR-1421-L02917
Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan sekolah-sekolah di kawasan Parlimen Hulu Rajang yang telah dipilih untuk menerima peruntukan membaik pulih sebanyak RM100 juta dari Kementerian Pendidikan.
13. PR-1421-L03362
Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk meneliti semula birokrasi yang terdapat dalam setiap permohonan bantuan kebajikan.
14. PR-1421-L03979
Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan langkah-langkah segera yang akan diambil bagi menangani kos sara hidup rakyat susulan pembentukan Majlis Tindakan Ekonomi Negara baru-baru ini.
15. PR-1421-L03532
Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan dalam skim *Large-Scale Solar 3 (LSS3)* yang dianggarkan bernilai sehingga RM2 billion, sama ada Sabah terlibat dalam LSS3 tersebut. Kalau tidak, apakah mekanisme untuk kemajuan industry Tenaga Diperbaharui (*Renewable Energy*) di Sabah.
16. PR-1421-L03472
Dato' Haji Salim Sharif [Jempol] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik mengikut pecahan negeri bagi murid yang layak untuk memanfaatkan program bantuan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) bagi tahun 2019 dan adakah Kementerian berhasrat untuk mengkaji semula kriteria pemilihan yang ditetapkan daripada kumpulan miskin tegar kepada miskin.

17. PR-1421-L03758
Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah yang telah dan bakal diambil oleh Kementerian dalam mewujudkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang mesra peniaga.
18. PR-1421-L03024
Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rasional Kerajaan hendak mewajibkan semua pengendalian umrah hanya dibuat oleh Tabung Haji.
19. PR-1421-L02955
Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pelan dan langkah-langkah Kementerian dalam membantu kanak-kanak autisme di seluruh negara.
20. PR-1421-L03034
Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan ekonomi Malaysia telah berkembang pada akhir 2017 di mana keluaran dalam negara kasar (GDP) telah berkembang kepada 1.353 trillion daripada 1.231 trillion pada tahun 2016. Berapakah nilai berkembangnya GDP pada akhir tahun 2018. Adakah Kerajaan yakin GDP pada tahun 2019 akan terus meningkat dan apakah langkah untuk menentukan peningkatan tersebut berterusan.
21. PR-1421-L03582
Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pelan bagi membangun dan memajukan tanah-tanah wakaf :-
- (a) apakah cabaran dan kekangan yang dihadapi dalam pembangunan tanah-tanah wakaf ; dan
 - (b) jika Kementerian bercadang membangunkan Rumah Mampu Milik di tanah-tanah wakaf, nyatakan prinsip pembangunan dan status pemilikan tanah-tanah tersebut selepas tempoh pajakan .
22. PR-1421-L03251
Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan susulan atau perkembangan terbaru mengenai kes arwah Adib.

23. PR-1421-L02935

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada cadangan untuk memperkenalkan suatu akta yang dapat memberi perlindungan hak-hak pemilik dan penyewa rumah/hartanah memandangkan akta-akta yang sedia ada adalah tidak memadai untuk melindungi hak-hak kedua-dua belah pihak.

24. PR-1421-L03110

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramai daripada pembuli media sosial yang menghina Raja-Raja Melayu dan Yang di-Pertuan Agong dikenakan tindakan siasatan dan dihukum serta dari kaum manakah yang banyak membuat kenyataan berunsur hasutan atau mengeluarkan kata-kata berbaur kebencian, penghinaan, atau kecaman terhadap Nabi Muhammad dan agama Islam khususnya.

25. PR-1421-L04131

Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah ianya memberi kesan kepada hasil Kerajaan Persekutuan selepas Kerajaan Negeri Sarawak mengenakan cukai jualan negeri sebanyak 5% ke atas produk petroleum. Berapakah pendapatan yang telah dikutip oleh Kerajaan Negeri setiap tahun dengan berbuat demikian.

26. PR-1421-L03931

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah tulisan Jawi buku teks sekolah menengah akan ditukar kepada tulisan rumi.

27. PR-1421-L02929

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada BERNAS telah mengambil pendirian untuk tidak lagi menjual beras kepada pengedar beras. Kalau ya, apakah sebabnya.

28. PR-1421-L03736
Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan akan menimbang semula pembinaan jalan pintasan dan menaik taraf simpang di FELDA Gugusan Adela yang mana projek ini telah disenaraikan dalam *Rolling Plan* Keempat RMK-11 namun dihentikan oleh Kerajaan Pakatan Harapan atas alasan aliran masih lancar tetapi kawasan tersebut merupakan kawasan yang sering berlaku kemalangan akibat aliran trafik yang sibuk dan banyak kenderaan berat menggunakan jalan tersebut sebagai laluan ke RAPID Pengerang.
29. PR-1421-L04227
Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh mana usaha untuk menghalang kepupusan hasil tangkapan sungai dan kolam akibat daripada pelepasan spesis ikan atau hidupan yang mengancam hidupan di sungai.
30. PR-1421-L03708
Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah persetujuan bersama yang dicapai oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak dalam menukarkan hutang negeri Sarawak yang berjumlah RM1 bilion bagi digunakan untuk membaik pulih sekolah daif.
31. PR-1421-L04078
Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan Pelabuhan Miri (Miri Port) yang sedia ada di Miri sekarang merupakan satu projek "gajah putih" Kerajaan dahulu dan ia tidak dapat menampung kapal kargo yang besar kerana dasar sungai yang terlalu cetek. Kapal kargo besar yang ditujukan ke Miri terpaksa menggunakan Pelabuhan Bintulu untuk penurunan kargo dan membabitkan kos pengangkutan yang tinggi, membebankan para peniaga dan konsumer di Miri. Oleh yang demikian, Nyatakan samada Kementerian mempunyai rancangan atau inisiatif untuk membina sebuah pelabuhan laut dalam yang baru di Miri atau mengambil langkah untuk mendalamkan laluan Pelabuhan Miri.
32. PR-1421-L03892
Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status 500 unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang telah diluluskan di Sungai Sepuluh, Paloh. Bilakah projek ini akan mula dibangunkan memandangkan Majlis Pecah Tanah telah pun diadakan sebelum in.

33. PR-1421-L03995
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah dan strategi Kementerian yang dilancarkan untuk menarik lebih ramai pelancong dari China dan nyatakan hasil kajian ke atas negara-negara seperti Thailand yang merupakan pilihan utama pelancong China.
34. PR-1421-L04013
Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status Cadangan Pasar Borong Bukit Payung Terengganu bagi menggantikan Pasar Borong Gong Pauh yang bersifat sementara.
35. PR-1421-L03078
Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang ditahan di luar negara dari tahun 2017 hingga kini dan apakah sebab-sebab utama mereka ditahan.
36. PR-1421-L03954
Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah kempen pengasingan sisa pepejal isi rumah dipergiatkan bagi tujuan mencapai kelestarian alam dan sejauh manakah industri sisa plastik skrap import tidak menjejaskan kesihatan dan alam sekitar .
37. PR-1421-L03455
Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan hari ini kanak-kanak tanpa kerakyatan boleh bersekolah dengan syarat salah seorang daripada kedua ibu bapanya haruslah seorang warganegara Malaysia dan mendapat sokongan daripada Ketua Kampung mahupun Wakil Rakyat. Tetapi masih ramai di luar sana yang merupakan kanak-kanak yang lahir di Malaysia, gagal untuk mendaftarkan kelahirannya dan membesar sebagai kanak-kanak tanpa kerakyatan dan kedua-dua ibu bapanya bukan warganegara Malaysia. Soalan saya, bagaimana seorang kanak-kanak tanpa kerakyatan dan kedua ibu bapanya bukan warganegara tetapi kanak-kanak itu lahir di Malaysia dan kini hak penjagaan sepenuhnya diberi ke atas kedua ibu bapa angkatnya iaitu kedua-dua ibu bapa angkatnya warganegara Malaysia untuk menghantar anak-anak ini ke sekolah.

38. PR-1421-L03145
Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi melestarikan kebajikan untuk golongan yang hendak menunaikan ibadah Haji; dan
 - (b) sejauh manakah keberhasilan usaha Kerajaan dalam menggalakkan lagi umat Islam menabung di Tabung Haji dan berapa jumlah anak-anak syarikat dalam Tabung Haji.
39. PR-1421-L04076
Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Suruhanjaya Pencegah Rasuah(MACC) di bawah Jabatan Perdana Menteri sama ada akan membuka semula siasatan terhadap Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib bin Mahmud, Yang di-Pertua Negeri of Sarawak, dan juga orang-orang berdekatan denganya atas tuduhan rasuah dan juga penyalahgunaan kuasa berikutan bukti baru yang dikemukakan atas kerjasama oleh *Bruno Manser Fund dan Sarawak Report*.
40. PR-1421-L03084
Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan usaha dan langkah Kementerian untuk menaik taraf ekonomi belia terutama di kawasan luar bandar seperti di Parlimen Ledang.
41. PR-1421-L04219
Tuan Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berkenaan dengan status semasa kerja-kerja penyambungan bekalan elektrik sekolah-sekolah ke grid utama di Sarawak, khususnya sekolah-sekolah di P205 Saratok.
42. PR-1421-L03775
Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berkaitan Pusat Pakar Perubatan (PPPUM, PPPUKM, PPPUitm) adakah Kementerian Kesihatan menyediakan peruntukan geran bagi tujuan penyelidikan dan tujuan meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan awam di Hospital Pusat Pakar Perubatan tersebut.
43. PR-1421-L03718
Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Program KOSPEN akan diteruskan atau dihentikan perjalanannya, jika ianya dibatalkan nyatakan sebab kenapakah ianya dibatalkan dan adakah kerana tiada peruntukan.

44. PR-1421-L03470
Datuk Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sedangkan ramai orang Sabah memerlukan peluang pekerjaan, namun mengapa warga asing diberi lesen pemandu pelancong untuk beroperasi di Sabah.
45. PR-1421-L03054
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkembangan projek TRX-1MDB dan masa depannya. Adakah Bandar Malaysia akan dibangunkan dan mengapa. Nyatakan aset 1MDB berjumlah RM42 bilion dan hutang RM31 bilion secara terperinci seperti pernah disebut oleh bekas CEO 1MDB, Arul Kanda.
46. PR-1421-L02871
Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pendirian Kementerian terhadap pengiktirafan Sijil Peperiksaan Gabungan Sekolah-Sekolah Menengah Persendirian Cina atau UEC bagi kemasukan ke IPTA atau Universiti Awam (UA) tempatan.
47. PR-1421-L03766
Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah IPCMC akan ditubuhkan untuk mengatasi masalah rasuah dan salah guna kuasa oleh Polis Diraja Malaysia.
48. PR-1421-L03292
Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan prestasi dalam tempoh 6 bulan kedua tahun 2018 berbanding dengan tempoh 6 bulan pertama tahun yang sama mengenai prestasi BSKL dari segi CI, nilai pasaran dan jual beli oleh pelabur asing, prestasi FDI, prestasi ringgit berbanding *a basket of major currencies*, kedudukan rizab antarabangsa dan bilangan penganggur serta menghuraikan usaha ke hadapan untuk memperkukuhkan semula prestasi kelima-limanya itu dan keadaan sosioekonomi rakyat yang pada keseluruhannya tambah meruncing.
49. PR-1421-L04288
Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah sekolah penerbangan swasta yang beroperasi di Malaysia dan bagaimanakah pihak Kementerian membantu dalam melahirkan lebih ramai juruterbang di Malaysia.

50. PR-1421-L03672
Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah maksud fahaman Wahhabi. Kerajaan persekutuan telah menfatwakan fahaman Wahhabi sebagai sebahagian daripada Sunnah Wal Jamaah tetapi terdapat Kerajaan negeri seperti Selangor yang menfatwakan fahaman Wahhabi sebagai sesat. Apakah usaha yang dibuat untuk memperbetulkan salah faham ini supaya rakyat tidak celaru, sementara itu hubungan baik Malaysia dan Arab Saudi dapat dijaga.
51. PR-1421-L03422
Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan bercadang untuk melaksanakan projek-projek pembangunan infrastruktur sebagai pembinaan jalan, bekalan elektrik, bekalan air bersih, hospital dan sekolah di kampung-kampung Orang Asli di sekitar Sungai Koyan di Cameron Highlands.
52. PR-1421-L03013
Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status terkini projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) daerah Pitas yang melibatkan sebelas (11) buah kampung antaranya Kampong Pansuran, Kampong Malubang, Kampong Mangkubau Laut yang belum siap sepenuhnya di mana kawasan-kawasan ini belum menerima bekalan elektrik sehingga kini walaupun pemasangan tiang dan wayar elektrik telah selesai dilaksanakan.
53. PR-1421-L03962
Tuan Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan untuk membina sebuah Balai Bomba dan Penyelamat di daerah Matu di dalam kawasan Parlimen P.207 Igan.
54. PR-1421-L04055
Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan dilakukan bagi membantu Komuniti Ekonomi Bumiputera untuk berdaya saing dan berapakah peruntukan dana usahawan Bumiputera untuk menjayakan segala pelan tindakan Pemerkasaan Komuniti Ekonomi Bumiputera.

55. PR-1421-L03835
Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk melaksanakan sukatan pendidikan seks dan kesihatan reproduktif di semua sekolah sekolah Kerajaan, persendirian dan antarabangsa dan apakah tempoh masa untuk memastikan ianya direalisasikan.
56. PR-1421-L03807
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah bentuk mekanisme bagi mengawal kadar premium insurans dan caj perkhidmatan kesihatan di bawah Skim Perlindungan Nasional B40 (mySalam) agar skim ini tidak membebankan rakyat dalam kumpulan ini.
57. PR-1421-L03351
Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah Kementerian bagi mengatasi lambakan rumah yang tidak terjual dan adakah ianya kerana disebabkan tindakan institusi kewangan yang telah mengetatkan syarat kelulusan pinjaman perumahan.
58. PR-1421-L04036
Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian menangani masalah kos pentadbiran di sekolah yang kini dilaporkan tidak cukup dana dan guru-guru terpaksa mengeluarkan duit sendiri untuk pelbagai urusan pentadbiran di sekolah.
59. PR-1421-L03915
Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk menaik taraf SPRM kepada sebuah suruhanjaya yang diiktiraf oleh Perlembagaan Persekutuan sama seperti Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang membolehkan SPRM mempunyai autonomi dan kuasa tersendiri dan melapor terus kepada Parlimen bukan Perdana Menteri.
60. PR-1421-L04157
Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan langkah-langkah Kerajaan bagi menghapuskan kutipan tol di seluruh negara.

61. PR-1421-L03284
Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan jumlah peruntukan projek tebatan banjir bagi mengatasi masalah banjir dan jumlah projek yang telah diluluskan untuk Sarawak.
62. PR-1421-L03652
Tuan Wong Tack [Bentong] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan mengikut tarikh pembayaran, jumlah jaminan kewangan USD50 juta yang telah dibayar oleh Lynas secara tunai dan bon. Berikan maklumat terperinci mengenai bon tersebut termasuk jenis, terma-terma, siapa yang meluluskannya serta justifikasi kemudahan (*convenience*) sebegini diberikan kepada Lynas.
63. PR-1421-L03158
Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah jumlah pelaburan asing yang telah berjaya dibawa masuk hasil daripada lawatan rasmi anggota kabinet ke luar negara.
64. PR-1421-L03896
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini penyiasatan dan penyelesaian yang diambil oleh Kerajaan terhadap skandal-skandal besar yang melibatkan MARA, FELDA, 1MDB dan Tabung Haji.
65. PR-1421-L04090
Datuk Dr. Jeffrey Gopari Kitingan [Keningau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) apakah kedudukan dan pencapaian atau *progress* Jawatankuasa Kabinet Khas MA63 setakat ini. Apakah pendirian Kerajaan mengenai pandangan luar bahawa MA63 telah terbatal atas sebab Kerajaan tidak dilaksanakan selama 55 tahun; dan
 - (b) adakah Kerajaan akan bersetuju agar MA63 dibubarkan dan Sabah dan Sarawak dibenarkan menentukan *destiny* dan nasib sendiri melalui "*self-determination*" (hak menentu sendiri) sama ada kekal bersama dalam Malaysia dengan syarat-syarat baru atau bebas dan merdeka untuk menentukan sendiri masa depan mereka.

66. PR-1421-L02886
Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah langkah-langkah yang Kementerian akan ambil untuk memperluaskan jaringan keselamatan (*safety net*) kepada golongan rakyat berpendapatan pertengahan (M40), selain daripada golongan B40 kerana golongan M40 juga terkesan akibat keadaan ekonomi kini yang perlahan.
67. PR-1421-L03641
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah duit setem jangkaan yang sepatutnya dikutip oleh Kerajaan tetapi tidak dikutip kerana pelaksanaan skim kempen pemilikan rumah (HOC) untuk tempoh 6 bulan pertama tahun ini dan apakah impak kempen HOC ini kepada industri perumahan negara.
68. PR-1421-L04255
Tuan Jonathan Yasin [Ranau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan Kerajaan Negeri Sabah telah mewujukan Kementerian Pelajaran dan Inovasi. Adakah Kerajaan Persekutuan bersedia untuk menurunkan kuasa penuh berkaitan pendidikan kepada Kerajaan Negeri Sabah supaya Kementerian Pelajaran dan Inovasi Sabah mempunyai autonomi penuh berkaitan pendidikan di Negeri Sabah.
69. PR-1421-L03608
Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan dasar serta hala tuju pembangunan industri seni dan budaya di Malaysia, terutama dalam konteks menarik lebih ramai pelancong asing untuk datang ke negara ini.
70. PR-1421-L04041
Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Bon Samurai tertakluk dengan syarat pemberian projek kereta api kepada Jepun yang mana ia boleh menjejaskan projek BRI China.
71. PR-1421-L03220
Dato' Mansor Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan setakat ini bagi pelaksanaan program pembangunan usahawan bimbingan dalam industri pemprosesan asas tani berasaskan produk perikanan bagi manfaat nelayan-nelayan pantai di seluruh negara dan khususnya di negeri Pulau Pinang. Apakah status kemajuan pelaksanaan program ini di Pulau Pinang.

72. PR-1421-L04306

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Balai Polis Tebedu akan dinaik taraf kepada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) memandangkan Pejabat Daerah Tebedu telahpun dinaik taraf kepada sebuah daerah penuh.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] dan masalah dicadangkan:-**

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Kedua, Parlimen Yang Keempat Belas."

Menyambung semula perbahasan atas masalah (21 Mac, 2019)

2. (D.R 33/2018) Rang Undang-Undang Pentadbiran **Bacaan Kali**
Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah **Yang Kedua**
Persekutuan) (Pindaan) 2018

[Perdana Menteri]

3. (D.R 35/2018) Rang Undang-Undang Undang-Undang " "
Sivil (Pindaan) 2018

[Perdana Menteri]

4. PR-1421-U(27)029
Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa penjelasan apakah strategi Kerajaan dalam rundingan dengan Singapura berhubung kait isu persempadanan dan kedaulatan ruang udara kedua-dua negara yang timbul sejak kebelakangan ini. Senario diplomatik Malaysia dan Singapura telah banyak berubah apabila isu-isu persempadanan ruang udara timbul secara spesifiknya melibatkan pemakaian Sistem Pendaratan Instrumen (ILS) di Lapangan Terbang Seletar dan kewujudan Kawasan Larangan Kekal (PRA) untuk aktiviti ketenteraan di ruang udara Pasir Gudang. Kerajaan perlu melihat situasi ini secara serius apabila Singapura membantah kewujudan PRA di ruang udara Pasir Gudang kerana pada anggapan mereka ia akan mengekang aktiviti penerbangan awam walaupun begitu jelas PRA itu hanya ditujukan kepada aktiviti ketenteraan sahaja. Cabaran juga timbul dan perlu diselesaikan oleh Kerajaan apabila Malaysia membuat bantahan terhadap penggunaan ILS yang memerlukan pesawat mengguna ruang udara Pasir Gudang yang akan mengundang kekangan pembangunan

fizikal bandar itu terutamanya membabit isu had ketinggian bangunan dalam laluan ILS. Rundingan antara kedua negara ini amat penting dalam mempertahankan kedaulatan persempadanan negara dan seharusnya Malaysia bertegas dan berhati-hati supaya akhirnya kedua-dua negara mendapat penyelesaian yang terbaik dalam hal ini."

[Menteri Pengangkutan]

5. PR-1421-U(27)030

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menjelaskan kegelisahan anak muda mengenai perancangan dan dasar yang menyeluruh melibatkan pembangunan golongan belia meliputi semua golongan masyarakat dan kaum di negara ini. Kerajaan perlu mempunyai perancangan dasar yang jelas seperti yang dilaksanakan Kerajaan terdahulu melalui Transformasi Nasional 2050 yang menggariskan enam teras tumpuan pembangunan belia masa hadapan yang dinamik dan berwawasan. Anak muda kini dibelenggu kerisauan berkenaan dasar pembangunan belia dan dasar pembangunan sukan yang tidak jelas sehingga memberi kesan terhadap kemajuan serta penambahbaikan organisasi belia dan sukan secara keseluruhan. "

[Menteri Belia Dan Sukan]

6. PR-1421-U(27)031

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan membentangkan dasar dan pelan yang menyeluruh berkenaan halatuju negara jangka masa panjang selepas tamatnya Wawasan 2020. Kerajaan perlu memberi penjelasan kepada kebimbangan rakyat serta membuka ruang perbincangan disamping mendapatkan input daripada rakyat berkenaan apakah rancangan Kerajaan merangkumi seluruh lapisan masyarakat pelbagai umur menyentuh kesinambungan ekonomi dan kesejahteraan rakyat jangka masa panjang. Kegusaran rakyat kini adalah apa yang akan berlaku pada 30 tahun akan datang. Rakyat gusar mengenai cabaran taraf hidup yang semakin kompleks di samping keadaan sosioekonomi dan keselamatan yang tidak menentu menyebabkan kegagalan kesinambungan kemajuan dan kesejahteraan akan terbantut. "

[Perdana Menteri]

7. PR-1421-U(27)032

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan membentangkan perincian laporan penggunaan kewangan, perkembangan laporan pembangunan dan prestasi terkini Jawatankuasa Pemerkasaan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (JKPTVET). Fungsi dan peranan penubuhan

jawatankuasa ini semenjak diperkenalkan pada 21 Jun 2018 dilihat belum memberikan gambaran jelas berkenaan pelan perkembangan dan strategi pencapaian yang amat penting untuk diketahui oleh rakyat khususnya anak muda pemegang taruh meliputi pelajar, komuniti, industri dan penyedia TVET awam dan swasta yang terlibat secara langsung dalam bidang kemahiran. Kerajaan secara serius perlu memberikan perhatian terhadap perkara ini kerana ia melibatkan pendidikan dan masa hadapan anak muda yang inginkan jaminan Kerajaan memastikan mereka berjaya dalam bidang kemahiran. "

[Menteri Pendidikan]

8. PR-1421-U(27)033

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi perhatian terhadap kebimbangan keadaan tidak selamat melibatkan banduan dalam penjara di seluruh negara merangkumi isu kepadatan sel, masalah kemudahan dalam penjara, tahap kawalan kesihatan dan keselamatan penjara serta penyebaran wabak penyakit. Kebanjiran jumlah banduan di dalam sesetengah penjara di negara ini menyebabkan keadaan yang tidak kondusif berlaku seterusnya mengakibatkan risiko penyebaran wabak penyakit yang lebih tinggi seperti penyakit TB dan kencing tikus. Sebuah kajian menyeluruh dan komprehensif harus dibentang dan dibincangkan segera bagi mendapatkan penyelesaian memandangkan situasi ini akan memberikan kesan terhadap persekitaran sekeliling dan ia akan menjejaskan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan."

[Menteri Dalam Negeri]

9. PR-1421-U(27)034

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap kerisauan rakyat berhubung usaha mendukung Perlembagaan Negara dengan memperkasa identiti kenegaraan dan perpaduan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) yang dilihat semakin lesu dan tidak aktif. Kerajaan perlu membentangkan serta memberi ruang perbincangan dengan segera apakah perancangan terperinci dan strategi jangka masa panjang JPNIN untuk mengukuhkan perpaduan dan menyemai semangat Rukun Negara dalam diri setiap warganegara disamping membentangkan laporan kewangan dan prestasi JPNIN bagi suku ketiga dan keempat tahun 2018. Kerisauan yang timbul adalah Kerajaan baharu ini dilihat tidak memperkasa fungsi dan peranan JPNIN yang mempunyai struktur jawatankuasa yang efisien dan tersusun malah Kerajaan dilihat hilang fokus terhadap strategi menyediakan perancangan khusus bagi perpaduan dan integrasi nasional secara keseluruhan."

[Perdana Menteri]

10. PR-1421-U(27)035

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap kebimbangan rakyat berhubung dasar Kerajaan dalam sektor automotif negara yang tidak seimbang dan memberikan lebih banyak keuntungan buat syarikat pengeluar kenderaan luar negara untuk menguasai pasaran berbanding syarikat pengeluar kenderaan tempatan. Kerajaan perlu menjelaskan mekanisme dan strategi yang menyeluruh dalam memastikan syarikat-syarikat automotif tempatan seperti Syarikat Proton dan Perodua terus kompeten agar dilihat lebih berdaya saing dengan syarikat luar negara. Kerajaan juga harus menetapkan kewajipan buat seluruh institusi pentadbiran dan agensi Kerajaan seluruh negara menggunakan kenderaan berjenama tempatan sebagai kenderaan rasmi supaya ia dapat dilihat sebagai usaha menyokong semangat kenegaraan dan membantu merencanakan perkembangan produk kereta nasional."

[Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri]

11. PR-1421-U(27)039

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Agar institusi Parlimen menetapkan supaya satu **Jawatankuasa Pemilih Khas** ditubuhkan dan satu **referendum rakyat** diadakan bagi meneliti semua pandangan rakyat Malaysia mengenai langkah Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati dalam 32 kesalahan melibatkan lapan perundangan negara. Dalam semangat Malaysia Baru selepas 9 Mei, ianya menjadi satu tanggungjawab Kerajaan agar dapat menghormati pandangan setiap lapisan rakyat Malaysia terutamanya mengenai perkara memansuhkan hukuman mati yang juga melibatkan nyawa masyarakat termasuk keluarga mangsa atau keluarga tahanan hukuman mati.

"Sekiranya pandangan rakyat ini tidak diteliti, Kerajaan Pakatan Harapan akan dilihat sebagai menafikan hak kebebasan bersuara mereka. Kerajaan juga perlu menyatakan pendirian dengan jelas, apakah alternatif lain yang akan diganti selepas pemansuhan hukuman mati ini dilaksanakan dan apakah ia mampu dijadikan sebagai langkah pencegahan atau sebaliknya. Kerajaan Pakatan Harapan perlu sedar bahawa kejayaan mereka menjadi Kerajaan hari ini adalah disebabkan kuasa dan suara rakyat. "

[Perdana Menteri]

12. PR-1421-U(27)040

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Agar projek Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL) tidak dibatalkan memandangkan ia sudah siap 20% dan Kerajaan perlu membayar pampasan yang tinggi kerana melanggar kontrak perjanjian. Tambahan pula, landasan yang akan memendekkan jarak perjalanan dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu ini berupaya memberi manfaat ekonomi kepada negara dengan melonjakkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau *Gross Domestic Product* (GDP) di tiga negeri pantai timur sebanyak 1.5%. Ia juga akan merangsang pertumbuhan ekonomi di pantai timur, rangkaian hubungan yang penting di antara timur dan barat serta merapatkan jurang ekonomi antara bandar-luar bandar. Maka Dewan Rakyat menyeru agar YAB Perdana Menteri dan semua ahli Jemaah Menteri dapat meneruskan projek ECRL ini."

[Perdana Menteri]

13. PR-1421-U(27)041

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan Laporan Akhir Majlis Penasihat Kerajaan atau *Council of Eminent Persons* (CEP) dengan mengeluarkan unsur-unsur berkaitan kepentingan negara yang sensitif daripada Laporan CEP serta mengemukakan laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada cadangan-cadangan oleh CEP. Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah memaklumkan dewan ini pada 15 Oktober 2018 bahawa CEP telah tamat melaksanakan tugas pada 19 Ogos 2018 dan pihak Kerajaan telah pun menerima laporan cadangan penambahbaikan yang disyorkan oleh CEP. Memandangkan enam bulan telah berlalu untuk Kerajaan untuk meneliti Laporan CEP, maka atas prinsip ketelusan dan akauntabiliti, tibalah masa bagi Kerajaan untuk mendedahkan Laporan CEP supaya rakyat Malaysia dapat memberikan input serta sama-sama menentukan hala tuju negara."

[Perdana Menteri]

14. PR-1421-U(27)042

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan laporan Jawatankuasa Pembaharuan Institusi (*Institutional Reforms Committee-IRC*) serta laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada cadangan-cadangan pembaharuan oleh IRC. Memandangkan wujudnya dakwaan oleh seorang Hakim Mahkamah Rayuan melalui afidavit yang boleh menjejaskan keyakinan orang awam terhadap institusi kehakiman baru-baru ini, maka adalah penting bagi rakyat Malaysia untuk mengetahui usaha-usaha penambahbaikan serta pembaharuan yang substantif dalam pentadbiran institusi-institusi seperti badan kehakiman dalam negara. "

[Perdana Menteri]

15. PR-1421-U(27)043

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat mendengar suara rakyat dan seterusnya membatalkan cadangan projek kereta nasional ketiga yang dijadualkan pelaksanaannya pada tahun 2020. Menteri Kewangan telah memberi jaminan pada Ogos 2018 bahawa projek kereta nasional ketiga tidak akan menggunakan wang rakyat. Namun, Menteri Pembangunan Usahawan telah mengumumkan peruntukan dana sebanyak RM20 juta pada Januari 2019 bagi membangunkan prototaip kereta nasional ketiga. Kos untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan juga penghasilan kereta nasional ketiga melibatkan pelaburan berbilion-bilion ringgit. Walaupun projek ini dimajukan oleh syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) seperti SiTerra Malaysia Sdn Bhd dan Sime Darby seperti yang diwar-warkan, ianya secara tidak langsung melibatkan wang rakyat yang dicarum melalui pelaburan Khazanah Nasional, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP). Memandangkan situasi ekonomi negara yang tidak menentu, projek kereta nasional ketiga akan membebankan Kerajaan dan rakyat (khususnya pembeli kereta) sekiranya projek ini diteruskan. Adalah disarankan agar projek kereta nasional ketiga dibatalkan demi menjimatkan wang rakyat."

[Perdana Menteri]

16. PR-1421-U(27)044

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Menurut laporan media Sin Chew Daily bertarikh 19 Ogos 2018, Ketua Strategi PPBM Rais Hussin yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penggubalan Manifesto Pakatan Harapan sebelum PRU14 telah mengumumkan bahawa semasa Buku Harapan (Manifesto PH untuk PRU14) dirangka, pra-syarat untuk menilai pengiktirafan UEC adalah kelulusan dalam 4 mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM. Akan tetapi, Kementerian Pendidikan setakat ini tidak pernah menjelaskan perkara tersebut yang banyak menimbulkan kekeliruan dan ianya berlainan nada dengan apa yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan semasa PRU14, iaitu UEC dapat diiktiraf hanya dengan memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM, maka UEC boleh diiktiraf. Mantan Menteri Pelajaran iaitu ahli parlimen Pagoh telah mengarahkan semua universiti awam tempatan untuk menambah satu syarat am bagi kemasukan ke universiti awam iaitu sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM dan mata pelajaran Sejarah telah menjadi mata pelajaran wajib lulus dalam SPM. Ini bermakna tanpa lulus mata pelajaran sejarah dalam SPM, seseorang calon itu tidak boleh memperolehi sijil SPM. Arahan tersebut berkuatkuasa semenjak tahun 2013. Dewan ini mendesak Kementerian

Pendidikan untuk memperjelaskan sama ada mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM masih diambil kira sebagai prasyarat pengiktirafan UEC seperti yang dikatakan oleh Rais Hussin. Sekiranya kenyataan Rais Hussin itu benar, maka Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) perlu melakukan penyelarasan dasar baru bagi mengatasi kekangan syarat kemasukan pelajar UEC ke universiti awam tempatan, Kementerian Pendidikan mesti mempunyai pendirian yang jelas dalam perkara ini dan tidak boleh berdolak-dalik. Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian Pendidikan harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar Sijil Peperiksaan Bersepadu (*Unified Examination Certificate-UEC*) seperti mana yang dijanjikan oleh YB Kulai merangkap Timbalan Menteri Pendidikan semasa berkempen di PRU 14 dan dalam rakaman video beliau pada 9 April 2018 yang dimuat naik ke "Youtube", di mana beliau mengatakan Pakatan Harapan sudah mempunyai "hitam putih" untuk mengiktiraf UEC sebaik sahaja Pakatan Harapan menjadi Kerajaan. "

[Menteri Pendidikan]

17. PR-1421-U(27)045

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat meneruskan projek pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada 26 Oktober 2017, termasuk mengekalkan 10 nama sekolah baru yang telah diluluskan.

Kerajaan sepatutnya menyiapkan projek tersebut dalam masa 5 tahun dengan peruntukan RM20 juta setiap tahun (jumlah keseluruhannya RM100 juta) seperti yang telah dijanjikan oleh Kerajaan terdahulu.

Tetapi malangnya, pelaksanaan projek tersebut agak lambat dan tiada perkembangan yang signifikan. Dengan itu, mengharapkan Dewan ini mengambil maklum perkara ini dan mendesak Kerajaan Pakatan Harapan mempercepatkan proses pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid ke kawasan yang lebih padat penduduk cina. "

[Menteri Pendidikan]

18. PR-1421-U(27)046

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menggesa Kerajaan supaya dapat memberikan peruntukan yang sama rata kepada Ahli Parlimen tanpa mengira fahaman politik. Ini kerana, Ahli Parlimen Kerajaan di Semenanjung Malaysia telah diberi peruntukan

sebanyak RM1,000,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM700,000 bagi peruntukan kawasan pada tahun 2018. Manakala tahun 2019, Ahli Parlimen Kerajaan diperuntukkan RM1,800,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM1.5 juta bagi peruntukan kawasan. Sementara Ahli Parlimen pembangkang hanya diberikan RM100,000 sahaja bagi tahun 2018 dan tidak menerima apa-apa peruntukan untuk tahun 2019. Ini merupakan satu bentuk diskriminasi yang amat ketara.

Gesaan ini selari dengan semangat 'Malaysia Baru' dan hasrat badan bebas (NGO) seperti BERSIH yang mahu memastikan tiada istilah diskriminasi dalam negara dan semua pengundi harus dilayan dengan adil dan saksama. Malah, perkara ini juga diperjuangkan oleh pemimpin Kerajaan hari ini ketika bergelar pembangkang suatu ketika dahulu. Dalam masa sama, semangat 'Malaysia Baru' ini juga yang menuntut kesuburan demokrasi. Prinsip keadilan ini akan dijadikan sebagai penanda aras dan seterusnya diteladani oleh Kerajaan negeri yang lain di Malaysia tanpa mengira parti mana yang memerintah. "

[Perdana Menteri]

19. PR-1421-U(27)027

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 61 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU 14."

[Perdana Menteri]

20. PR-1421-U(27)028

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urustadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

21. PR-1421-U(27)036

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan :-

"Banyak kuarters-kuarters guru yang dibina di seluruh negara dengan begitu cantik dengan harga beratus juta ringgit ditinggalkan kosong tidak didiami. Kuarters ini telah banyak yang rosak dan tidak terjaga. Kawasan dipenuhi semak samun dan tidak terurus. Banyak yang menjadi tempat penagih dadah beroperasi dan kawasan ini menjadi bukti bagaimana Kerajaan tidak prihatin terhadap alam sekitar dan pembaziran wang rakyat yang amat luar biasa. Dicadangkan semua kuarters ini dijual kepada mana-mana pihak dengan harga yang berpatutan supaya beban tidak lagi ditanggung oleh Kerajaan dan pulangan dari jualan ini boleh digunakan bagi mereka yang memerlukan."

[Menteri Pendidikan]

22. PR-1421-U(27)037

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan :-

"Dadah telah mula masuk ke sekolah-sekolah. Walau pun jumlahnya masih kecil tetapi tindakan segera mesti diambil. Bagi mengelak dari pelajar terlibat sekolah disarankan memperbanyakkan kegiatan pasukan beruniform seperti kadet tentera, kadet polis, kedet bomba, pengakap dan lain-lain pasukan beruniform dan perbanyakkan aktiviti luar sekolah. Kegiatan ini semua akan membina perasaan kekitaan dan saling tegur menegur. Jabatan kaunseling di sekolah juga mesti diperkemaskan agar pelajar yang menghadapi masalah cepat dikenal pasti dan diambil tindakan."

[Menteri Pendidikan]

23. PR-1421-U(27)038

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] akan mencadangkan :-

"Kemalangan jalan raya makin meningkat di negara ini. Di antara punca kemalangan ialah pengguna yang cuai dan penguatkuasaan oleh agensi yang lemah. Sebagai contoh kemalangan melanggar kenderaan yang diberhenti di bahu jalan, atau kenderaan yang rosak ditinggalkan tanpa dipaparkan notis kereta/kenderaan rosak. Kerajaan hendaklah menggunakan semua ruang seperti TV dan radio bagi menyebarkan maklumat kepada pengguna jalan raya jika kenderaan mereka rosak, notis secukupnya mesti dipamerkan agar pengguna yang lain sedar dan tahu masalah wujud di hadapan mereka dan mereka akan bersedia untuk elakkan dari melanggar kenderaan yang rosak ini."

[Menteri Pengangkutan]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN</u> <u>2019</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.4	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) Bagi Tahun 2017	25 Mac 2019
ST.5	Peraturan-Peraturan Racun (Pindaan) 2018 telah diwartakan melalui P.U.(A) 330 pada 24 Disember 2018 dengan tarikh kuat kuasa pada 1 Januari 2019	25 Mac 2019
ST.6	Peraturan-Peraturan Racun (Sodium Hidroksida) (Pindaan) 2018 telah diwartakan melalui P.U.(A) 334 pada 26 Disember 2018 dengan tarikh kuat kuasa pada 1 Januari 2019	25 Mac 2019
ST.7	Peraturan-Peraturan Racun (Bahan-bahan Psicotropik) (Pindaan) 2018 telah diwartakan melalui P.U.(A) 405 pada 31 Disember 2018 dengan tarikh kuat kuasa pada 1 Januari 2019	25 Mac 2019
ST.15	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bagi Tahun 2017	25 Mac 2019
ST.19	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Bagi Tahun 2017	25 Mac 2019
ST.64	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Putrajaya Bagi Tahun 2017	25 Mac 2019
ST.66	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Labuan Bagi Tahun 2017	25 Mac 2019
ST.75	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) Bagi Tahun 2017	25 Mac 2019
ST.76	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) Bagi Tahun 2017	25 Mac 2019

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 25.03.2019 (Isnin)	1. YB Dato' Dr. Noraini Ahmad (Parit Sulong)	1. Pertanyaan Mengenai Penutupan Sekolah Berikutan Kejadian Pembuangan Sisa Kimia	1. YB Menteri Pendidikan
2. 25.03.2019 (Isnin)	2. YB Dato' Sri Dr. Santhara (Segamat)	2. Isu Scammer	2. YB Menteri Komunikasi Dan Multimedia

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**